

NO. SOALAN : 491

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]**

SOALAN :

YB. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah tindakan yang akan dilakukan bagi memajukan kawasan Sungai Batu memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan yang sangat bersejarah dan tamadun Kedah Tua dicatatkan, juga merupakan tamadun tertua di Asia Tenggara dan adalah sezaman dengan tamadun Rom dan Yunani.

232

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) masih menjalankan penyelidikan di tapak Lembah Bujang terutamanya di Sungai Batu untuk mendapatkan bukti saintifik bagi penentuan sejarah ketamadunan yang wujud di kawasan Lembah Bujang khususnya Sungai Batu. JWN dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri Kedah, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority* [NCIA]) juga sedang merancang pembangunan fizikal di Lembah Bujang terutamanya di Sungai Batu dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Pembangunan yang dicadangkan termasuk pembinaan prasarana bagi kemudahan pelawat seperti Galeri Warisan Arkeologi Lembah Bujang yang akan mempamerkan jumpaan di Sungai Batu dan Lembah Bujang secara amnya dan penyediaan infrastruktur yang lengkap untuk pengurusan pentadbiran. Kementerian ini juga melalui JWN telah membuat pengambilan tanah di kawasan tersebut untuk memastikan tapak ini terpelihara dan dilindungi termasuk menyediakan kawalan keselamatan di tapak.

Bagi tujuan perlindungan, pihak JWN telah mengiktiraf Tapak Arkeologi Sungai Batu sebagai warisan negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Sebagai makluman juga, kawasan Lembah Bujang termasuk Sungai Batu sedang dikaji kesesuaian untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa hadapan setelah

data penyelidikan dan lain-lain dokumen telah lengkap serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO.

Kementerian ini melalui Tourism Malaysia juga telah mengambil inisiatif untuk mempromosi serta memajukan Sungai Batu seperti berikut:

- i) Mengadakan lawatan suai kenal bagi agensi pelancongan, hotel dan media bertujuan meninjau produk serta membangunkan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian. Sebagai contoh, lawatan ke Sungai Batu sempena FAM Trip Travel Agent Hatyai ke Sungai Petani pada 19 - 21 Mei 2017;
- ii) Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej Sungai Batu yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, Sesi Makmal Bagi Kajian Pembangunan Pelancongan Kawasan Kuala Muda, Yan & Lenggong di Wilayah Koridor Utara (NCIA) pada 15 & 16 Februari 2017, Persidangan Pelancongan Kedah Utara pada 17 & 18 Julai 2017 di Alor Setar, dan Seminar Produk Ikon Pelancongan Daerah Kuala Muda pada 25 September 2017;
- iii) Membawa masuk kru penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran di Sungai Batu untuk mempromosi produk pelancongan tersebut. Sebagai contoh, Penggambaran Program Majalah Travelogue Jom Jalan 2017 untuk HyppTV pada 13 - 15 Julai 2017 dan sesi penggambaran Astro bagi program 'Rassika Rusikka' musim ke-empat pada 13 - 15 Julai 2017;

- iv) Mempromosikan pakej Arkeopelancongan ke Kompleks Sungai Batu yang dibangunkan oleh Universiti Sains Malaysia dan turut dimuat naik ke laman web/ sosial Tourism Malaysia; dan
- v) Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat-pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan Pusat-pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di seluruh negara serta melalui laman sesawang Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.